

PM Iantik 5 wakil selaras projek2 Persekutuan

KOTA BAHARU 3 Feb. —
Perdana Menteri telah melantik lima orang wakil Majlis Pembangunan Persekutuan Kelantan yang akan bertindak menyelaras pelaksanaan projek-projek pembangunan Kerajaan Persekutuan di negeri ini.

Dengan penubuhan majlis ini, segala projek pembangunan Persekutuan tidak lagi akan diselaraskan di bawah Jawatan-kuasa Tindakan Negeri yang dipengerusikan oleh Menteri Besar.

Majlis itu akan ditadbirkan oleh sebuah jabatan baru, Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Kelantan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Jabatan itu telah diwujudkan khas bagi melaksanakan segala projek pembangunan Persekutuan apabila dua buah negeri, Kelantan dan Sabah jatuh ke tangan pembangkang dalam pilihanraya umum lepas.

Pengarah JPP, Dato' Mohd. Nor Rahim selaku pengerusi majlis itu ketika ditemui oleh pemberita di pejabatnya di sini semalam berkata, majlis itu terdiri daripada seorang wakil dari Perbendaharaan Negara, Unit Perancangan Ekonomi JPM dan Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan JPM.

Wakil lain dalam majlis itu ialah Timbalan Pengarah JPP dan seorang wakil dari negeri ini yang belum lagi diputuskan.

Dato' Mohd. Nor yang juga bekas Pegawai Kewangan Negeri Perak dan memulakan tugas barunya itu 1 Januari lalu berkata, anggota-anggota majlis ini merupakan sebagai ahli lembaga pengarah atau pemegang polisi sementara JPP merupakan pelaksana dan menyediakan khidmat arus setia.

Menurut beliau, jabatan itu juga akan mempunyai unit teknikalnya sendiri yang akan mengambilalih tugas-tugas jawatan-jawatan teknikal negeri seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang sekarang ini di bawah kuasa negeri.